

# Maritim Malaysia kenal pasti 20 lokasi panas

MUKA 4

➤ Maritim Malaysia kenal pasti 20 lokasi panas jadi laluan utama penyeludup di sepanjang pantai perairan negara.

➤ Antaranya perairan Langkawi, Pulau Pangkor, Pelabuhan Klang, Pontian, Johor Bahru dan pantai Sabah dan Sarawak.

➤ Barangan diseludup termasuk bahan bakar, rokok, minuman keras dan minyak masak.

Maritim Malaysia memandang serius ancaman kegiatan penyeludupan ini kerana ia merugikan negara dan rakyat. Kawalan sentiasa dilakukan meliputi beribu-ribu jeti dan kawasan pendaratan atau lokasi transit yang dikenal pasti."



LAKSAMANA MARITIM  
DATUK SERI AHMAD PUZI  
AB. KAHAR

Ketua Pengarah Maritim  
Malaysia

Aktiviti penyeludupan di perairan negara

## 20 lokasi 'panas' dikesan

Oleh **BASIR ABU BAKAR**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 OGOS

**S**EBANYAK 20 lokasi 'panas' di sepanjang pantai perairan seluruh negara dikenal pasti sering dijadikan laluan utama aktiviti penyeludupan barangan seperti rokok, minuman keras, bahan bakar, balak dan barangan kawalan termasuk minyak masak.

Antara lokasi tersebut adalah perairan Langkawi di Kedah; Pulau Pinang; Pulau Pangkor, Perak; Pelabuhan Klang, Selangor; Melaka; Pontian, Johor Bahru dan Mersing di Johor serta Kemaman,

Terengganu.

Turut dikesan ialah 10 lokasi di sepanjang pantai Sabah dan Sarawak.

Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Maritim Datuk Seri Ahmad Puzi Ab. Kahar ketika mendedahkan perkara itu berkata, kegiatan penyeludupan tersebut mencetuskan kebimbangan kerana selain merugikan kerajaan, ia turut menjadi ancaman besar kepada negara dari segi keselamatan.

“Pada tahun lepas, sejumlah 44

kes penyeludupan berjaya ditumpas oleh Maritim Malaysia dan tahun ini pula iaitu sehingga 31 Julai lalu, sejumlah 39 kes melibatkan penyeludupan dilaporkan.

“Sehingga kini, Maritim Malaysia telah menyiasat sebanyak 121 kes,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmad Puzi berkata, sehubungan itu, Maritim Malaysia kini melipatgandakan usaha mengawal dan mempertahankan perairan negara.

Tambahnya, selain kawasan ‘panas’ terbabit, pengawalan itu

turut meliputi beribu-ribu jeti dan kawasan pendaratan atau lokasi transit lain yang dikenal pasti.

“Pihak kami tidak hanya memberi fokus kepada jumlah jeti haram semata-mata kerana aktiviti penyeludupan tidak semestinya menggunakan jeti. Ada yang didaratkan terus ke pantai dan ada yang dipindahkan melalui kapal tangki mahupun kapal kargo.


“Selain itu, ada juga penyeludupan yang dilakukan dengan kaedah penipuan dokumen dan pengisytiharan palsu ke pelabuhan yang sah menggunakan kontena,” katanya.

# Titik Panas Kegiatan Penyeludupan

## SEMANJUNG MALAYSIA



- ▼ Rokok
- ▼ Minuman Keras
- ▼ Bahan Bakar
- ▼ Balak
- ▼ Barang kawalan (termasuk minyak masak)



## SABAH, LABUAN & SARAWAK

